

SPA : SESI TEMU DUGA, UJIAN BERKOMPUTER, 11 HINGGA 21 OGOS DITANGGUHKAN

Siaran Akhbar dan Infografik : Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Ogos. - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) ingin memaklumkan bahawa Sesi Temu Duga dan Ujian Berkomputer, pada 11 hingga 21 Ogos 2021 adalah ditangguhkan ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian (Sila rujuk rajah 1).

Sebarang maklumat lanjut bagi perubahan tarikh akan disampaikan melalui e-mel para pemohon juga melalui media sosial SPA.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi melalui WhatsApp : +673 7371961 atau e-mel ke query@spa.gov.bn.

BIL.	NAMA JAWATAN	KOD IKLAN	JABATAN/ KEMENTERIAN
1	Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II	2021/0013/03	Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama
2	Juruteknologi Makmal	2021/0018/06	Jabatan Perkhidmatan Sains, Kementerian Kesihatan
3	Jurutera	2021/004/12	Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri
4	Kerani Kewangan	2020/0034/03	Jabatan-Jabatan Kerajaan
5	Pembantu Perhutanan Rendah	2021/003/08	Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
6	Pegawai Perangkaan	2021/006/06	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi
7	Pegawai Tanah	2021/006/05	Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan
8	Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I	2021/0021/04	Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
9	Pembantu Buruh	2020/0039/10	Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
10	Pegawai Melesen	2021/009/05	Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
11	Tukang Elektrik (Kenderaan)	2021/0012/14	Kementerian Pertahanan
12	Pegawai Melesen	2021/009/05	Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
13	Penolong Pengurus Perdagangan	2021/004/15	Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri
14	Jurutera Kerja	2021/0010/04	Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan
15	Juru X-Ray	2021/002/05	Kementerian Kesihatan
16	Ketua Pegawai Imigresen	2021/0012/04	Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
17	Penyelia Kanan Koperasi	2021/006/07	Unit Pembangunan Koperasi, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi
18	Penolong Pengarah Perolehan	2021/0025/02	Jabatan Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan
19	Ahli Kaji Serangga Tumbuhan	2020/0053/12	Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
20	Pengurus Pentas	2021/006/13	Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri
21	Guru	2021/0011/06	Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
22	Penolong Pentadbir	2021/004/10	Jabatan-Jabatan Kerajaan
23	Pembantu Teknik Kanan	2021/006/22	Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
24	Penolong Pegawai Perikanan	2021/0013/04	Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BIL.	NAMA JAWATAN	KOD IKLAN	JABATAN/ KEMENTERIAN
1	Kerani Pendaftaran	2021/0015/07	Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat & Nama-Nama Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi
2	Pembantu Teknik Pelatih	2021/0014/03	Pejabat Penerbangan KDYMM, Kementerian Kewangan dan Ekonomi
3	Penyambut Tetamu Kesihatan/ Penyambut Tetamu Hospital	2021/0020/06	Kementerian Kesihatan
4	Pengawas Tingkat I	2021/0023/02	Jabatan-Jabatan Kerajaan
5	Penyambut Tetamu/Operator Telefon	2021/0025/01	Jabatan-Jabatan Kerajaan

Kefahaman mengenai penternakan Udang Galah

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menganjurkan Bengkel Agritalk: Integrated Farming Techniques of Fresh Prawn Culture (Udang Galah) yang dikendalikan oleh Fakulti Pertanian (FP) dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH), UNISSA.

Bengkel tersebut diadakan selama satu hari, iaitu pada Sabtu, 27 Zulhijah 1442H bersamaan 7 Ogos 2021M bermula jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

Bengkel diadakan di Kampus UNISSA, Gadong yang berlangsung secara dalam talian dan dihadiri oleh seramai 38 orang peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian,

agensi swasta, warga UNISSA dan orang persendirian.

Manakala pada sesi petang pula, para peserta dibawa melawat ke salah satu kolam udang persendirian, iaitu Helif Aquaculture Sdn. Bhd. bagi meninjau secara lebih dekat pengurusan sistem kolam udang.

Hadir selaku fasilitator undangan, Profesor Dr. Ahmed Jalal Khan Choudry dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia.

Antara topik-topik yang dibincangkan ialah pemahaman mengenai biologi dan ekologi udang galah; mengenali teknik-teknik mengendalikan udang galah dalam polikultur dan monokultur; kebaikan polikultur

untuk ikan dan udang galah; pengetahuan dalam merancang dan menguruskan sistem kolam udang galah; mengenali dan mengawal penyakit dan pemangsa; dan seterusnya cara bagi mengekalkan serta memelihara sistem pertanian yang mesra alam.

Dengan adanya bengkel ini, diharapkan akan dapat memberi pendedahan dan kefahaman para peserta dalam memulakan usaha ternak udang galah memandangkan dalam bengkel tersebut didedahkan mengenai aspek-aspek utama dalam penternakan udang galah, seperti teknik mengendalikan, merancang dan menguruskan sistem kolam udang galah.

Kaunter Perkhidmatan, PSC Recruitment Helpdesk ditutup

Siaran Akhbar : Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Ogos. - Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) ingin memaklumkan bahawa Kaunter Perkhidmatan dan PSC Recruitment Helpdesk (termasuk scanning and uploading) adalah ditutup, mulai 9 Ogos 2021

hingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Pihak pejabat memohon maaf ke atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

Tatacara dan tip-tip PSC Recruitment boleh didapati di akaun Instagram pihak SPA,

iaitu PSC.BN dan orang ramai juga boleh mendapatkan khidmat bantu melalui talian perhubungan WhatsApp semasa waktu bekerja.

Sebarang pertanyaan, berhubung terus melalui WhatsApp : +673 7371961 atau e-mel ke query@spa.gov.bn.

Kaunter Unit Perumahan, KHEU ditutup sementara mulai 9 Ogos

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Ogos. - Berikutan penularan COVID-19 dan sebagai langkah berjaga-jaga bagi membendung penularan di

Negara Brunei Darussalam, Kaunter Unit Perumahan, Jabatan Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) adalah ditutup

sementara, mulai Isnin, 9 Ogos 2021 hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Sebarang permohonan dan pertanyaan, bolehlah berhubung terus ke Unit Perumahan menerusi talian +673 2382030.

Bekalan darah masih diperlukan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Ogos. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Pusat Pendermaan Darah Hospital di Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) masih beroperasi seperti biasa dan Pusat Pendermaan Darah masih mengalami stok bekalan darah yang rendah dan memerlukan semua jenis darah dengan segera bagi kegunaan pemindahan darah pesakit-pesakit di kesemua hospital-hospital kerajaan.

Berikutan perkembangan mengenai penularan COVID-19, kempen-kempen derma darah yang dijadualkan sepanjang minggu ini adalah dibatalkan.

Namun bantuan berterusan orang ramai dalam sama-sama meningkatkan stok bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah adalah sangat-sangat diharapkan dan dihargai, lebih-lebih lagi pada masa yang mencabar ini.

Langkah-langkah pencegahan adalah diperketatkan di pusat ini dan orang ramai diingatkan untuk mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan dalam perihal COVID-19, seperti memakai sungkup muka; mensanitasi tangan; mengimbas Kod QR BruHealth; dan mengamalkan penjarakan sosial pada setiap masa.

Di samping itu juga, orang ramai yang ingin menderma darah dinasihatkan untuk menempah awal slot menderma darah menggunakan aplikasi BloodKad atau menghubungi Pusat Pendermaan Darah untuk membuat perjanjian.

Setiap slot masa adalah terhad kepada lima orang penderma darah sahaja. Pusat Pendermaan Darah pada masa ini hanya menerima penderma darah secara perjanjian dan tempahan melalui aplikasi BloodKad.

Waktu pendaftaran menderma darah di Pusat Pendermaan

Darah di Hospital RIPAS adalah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 8.15 pagi hingga 11.45 pagi, dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Pusat Pendermaan Darah juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pusat tersebut akan melanjutkan waktu beroperasi pada Selasa, 10 Ogos 2021 bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Orang ramai juga dibolehkan untuk menggunakan tempat letak kereta berbayar di Blok 10 Hospital RIPAS secara percuma selama dua jam. Orang ramai diingatkan untuk membawa tiket letak kereta semasa menderma darah.

Untuk maklumat lanjut atau membuat tempahan bagi mengadakan Kempen Derma Darah, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 2242424 sambungan 5745 / 6001 / 6002 atau e-mel kepada bloodbank@moh.gov.bn dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook : @bloodbank.ripas.



ANTARA yang mengikuti Bengkel Agritalk : Integrated Farming Techniques of Fresh Prawn Culture (Udang Galah) yang dikendalikan oleh Fakulti Pertanian dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

untuk ikan dan udang galah; pengetahuan dalam merancang dan menguruskan sistem kolam udang galah; mengenali dan mengawal penyakit dan pemangsa; dan seterusnya cara bagi mengekalkan serta memelihara sistem pertanian yang mesra alam.

Dengan adanya bengkel ini, diharapkan akan dapat memberi pendedahan dan kefahaman para peserta dalam memulakan usaha ternak udang galah memandangkan dalam bengkel tersebut didedahkan mengenai aspek-aspek utama dalam penternakan udang galah, seperti teknik mengendalikan, merancang dan menguruskan sistem kolam udang galah.

memandangkan dalam bengkel tersebut didedahkan mengenai aspek-aspek utama dalam penternakan udang galah, seperti teknik mengendalikan, merancang dan menguruskan sistem kolam udang galah.